

## ABSTRAK

Penyelidikan ini dibuat bertujuan untuk mengkaji ciri-ciri persamaan dan perbezaan pemikiran mengenai konsep ketuhanan di antara falsafah Barat dengan falsafah India. Oleh kerana kedua-dua falsafah ini mengandungi pembahagian serta aliran pemikiran yang berlainan maka pengkaji mengkhususkan kajiannya kepada pemikiran St. Thomas Aquinas (bagi mewakili falsafah Barat) dan pemikiran Meykandar (bagi mewakili falsafah Saiva Siddhanta yang merupakan salah satu sistem yang unggul dalam falsafah India).

Kajian ini mengandungi sebanyak tujuh bab. Setiap bab membincangkan konsep ketuhanan ini dari pelbagai aspek. Bab pertama merupakan bab pengenalan bagi keseluruhan penyelidikan ini. Aspek-aspek yang berhubung dengan tujuan dan corak kajian seperti rasional kajian, kepentingan kajian, tujuan dan skop kajian, ulasan kajian lepas, kaedah kajian dan bentuk tesis telah dibincangkan secara umum dalam bab ini.

Bab kedua menjadi suatu pengenalan kepada falsafah Barat dan juga India (khususnya falsafah Saiva Siddhanta). Aspek-aspek lain yang dibincangkan ialah pembahagian yang terdapat dalam falsafah Barat dan India serta pengenalan kepada falsafah Saiva Siddhanta. Bab ini diakhiri dengan pengenalan kepada latar belakang St. Thomas Aquinas dan Meykandar.

Bab ketiga cuba mendalami konsep ketuhanan ini dari perspektif epistemologi. Dalam bab ini juga aspek-aspek seperti bukti-bukti kewujudan tuhan yang telah diutarakan oleh St. Thomas Aquinas dan Meykandar dibincangkan secara terperinci. Bab ini berakhir dengan perbandingan di antara kedua-dua tokoh tersebut mengenai bukti-bukti kewujudan tuhan.

Bab keempat pula membincangkan sifat-sifat Tuhan yang telah diutarakan oleh St. Thomas Aquinas dan Meykandar. Sifat-sifat Tuhan ini akan diteliti dan dianalisis dari perspektif pemikiran tokoh-tokoh tersebut. Akhirnya bab ini akan mencari apakah persamaan atau perbezaan di antara kedua-dua tersebut mengenai sifat-sifat Tuhan.

Bab kelima pula mengkaji apakah hubungan di antara Tuhan dengan jiwa. Hubungan ini dikaji berdasarkan hujah St. Thomas Aquinas dan Meykandar. Bab ini juga memberikan tumpuan kepada persoalan seperti sejauhmanakah terdapatnya persamaan atau perbezaan di antara kedua-dua tokoh tersebut mengenai jiwa dan hubungannya dengan Tuhan.

Bab keenam pula menyelidik apakah hubungan di antara Tuhan dengan dunia atau ciptaanNya (*creation*). Hubungan ini dilihat dari sudut pandangan St. Thomas Aquinas dan Meykandar. Bagaimanakah hubungan ini diterangkan? Apakah pendalilan yang mereka berikan untuk mengukuhkan hujah mereka? dan Sejauhmanakah terdapatnya persamaan atau perbezaan di antara kedua-dua tersebut mengenai hubungan Tuhan dengan dunia? Adalah antara persoalan yang akan dikaji dalam bab ini.

Bab tujuh pula merupakan bab kesimpulan ini bagi penyelidikan ini. Segala dapatan daripada bab-bab lain dikumpul dan dianalisis dalam bab ini. Bab ini berakhir dengan prospek dan cadangan-cadangan bagi pengkaji akan datang untuk meneruskan kajiannya dalam tajuk-tajuk yang berhubung dengan konsep ketuhanan ini.

St. Thomas Aquinas dan Meykandar merupakan dua orang tokoh yang masing-masing terkenal sebagai tokoh agama dan falsafah dalam falsafah Barat dan falsafah Saiva Siddhanta. Penyelidikan ini membuktikan bahawa terdapatnya persamaan dan perbezaan pemikiran antara kedua-dua tokoh tersebut. Penggunaan kaedah seperti persepsi, inferens, testimoni serta hujah-hujah seperti kosmologi, moral dan sebagainya menggambarkan pemikiran mereka yang rasional dan logik. Kaedah yang sistematik ini digunakan oleh mereka bagi merasionalkan fakta-fakta agama masing-masing.

Pada dasarnya, pemikiran mereka telah pun dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti latar belakang tempat, agama, kebudayaan, corak kehidupan yang berlainan dan pengaruh daripada tokoh-tokoh agama dan falsafah yang lain. Oleh itu, dapat dikatakan bahawa pemikiran mereka bukan sahaja mewakili pendirian mereka malah secara tidak langsung ia juga menggambarkan corak pemikiran masyarakat Barat dan India pada abad ke-13.

## **ABSTRACT**

The purpose of this research is to find the similarities and differences between Western philosophy and Indian philosophy. Western philosophy and Indian philosophy contain different of schools of thought; therefore this research emphasizes on St. Thomas Aquinas who represents Western Philosophy and St. Meykandar who represent Saiva Siddhanta philosophy.

The thesis consists seven chapters. Each chapter discusses the concept of God in various aspects. The first chapter outlines the introduction of the thesis. The various aspects such as rationale of the thesis, importance of the thesis, motive and scope, the literature view, the method employed are discussed in this chapter as general.

The second chapter is an introduction to both the Western philosophy and the Indian philosophy (especially Saiva Siddhanta philosophy). The other related aspects which have been discussed here are the classification in the Western philosophy and Indian philosophies, and an introduction to the Saiva Siddhanta philosophy. This chapter also includes an introduction and background of both St. Thomas Aquinas and Meykandar.

The third chapter tries to deepen the concept of God from the epistemology perspective. In this chapter also, proofs for the existence of God as given by St. Thomas Aquinas and Meykandar have been discussed in detail. A comparative study relating to their views is also written.

The fourth chapter talks about the nature of God as evidenced by St. Thomas Aquinas and Meykandar. The nature of God is examined and analyzed. In the final analysis, similarities and differences between their views are discussed.

The fifth chapter discusses the relationship between God and soul. Discussion based on St. Thomas Aquinas and Meykandar is thoroughly made. This chapter also focuses on the problem raised and how far the similarities and differences depict about the soul and its relations with God.

The sixth chapter examines the relation between God and the universe. The relation is seen from the standpoint of St. Thomas Aquinas and Meykandar. Questions such as How these relations are explained? What are the reasons given to strengthen their evidence?, and What are the similarities and differences between them? are discussed in this chapter.

The seventh chapter is the conclusion and the summary of this thesis. All the findings from the chapters are gathered and analyzed in this chapter. The prospects and the suggestions for the future researchers are also outlined.

St. Thomas Aquinas and St. Meykandar both are well-known as philosophers and theologians in Western and Saiva Siddhanta philosophy respectively. This research indicates that there are similarities and differences in their thoughts. Methods like perception, inference, testimony and arguments such as cosmology, morale, and so on

visualize their rationale and logic thoughts. These systematic methods were used by them for expressing their religious facts respectively.

Basically, their thoughts were influenced by factors like their living background, religion, culture, different lifestyles and also the influence from other theologians and philosophers. Therefore, their thoughts not only represent their individual thoughts but also a mixture of Western and Indian patterns of thinking in 13<sup>th</sup> century.